

24 SEP 2003

HADI AKUI KEKALKAN PERLEMBAGAAN NEGARA JIKA KUASAI KERAJAAN

KUALA BERANG, 24 Sept (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini mengakui bahawa perlembagaan negara akan dikekalkan jika PAS memenangi pilihan raya akan datang.

Bagaimanapun katanya penafsiran Islam sebagai agama persekutuan dalam perlembagaan itu perlu diubah selaras dengan apa yang terkandung dalam Al-Quran dan bukan seperti sekarang, yang ditafsirkan oleh Suruhanjaya Reid.

"Apa yang diamalkan oleh kerajaan pada masa ini ialah mereka meneruskan Islam dengan makna yang ditafsirkan oleh ahli undang-undang barat, bukan Islam berdasarkan agama, "ad-din" yang ada dalam Al-Quran...itu berbeza," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan memperingati 700 tahun Batu Bersurat Terengganu di sini hari ini.

"Amanat pilihan raya ke-11 Formula Kemenangan PAS" yang dibentangkan Abdul Hadi pada satu seminar pada 18 Jan lepas di Kuala Lumpur, jelas menyatakan bahawa PAS perlu membuat pengorbanan untuk tidak memasukkan persoalan tentang negara Islam dan pelaksanaan hudud.

Ditanya mengenai sama ada perubahan penafsiran itu daripada segi istilah semata-mata atau melaksanakannya menjadi sebuah negara Islam, Hadi berkata "istilah perkataan Islam itu sendiri mestilah mengikut fahaman kita (PAS), jangan ikut apa yang difahami oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad).

"Saya lihat, Perdana Menteri, dia celaru dalam memahami Islam itu sendiri, dia tidak membezakan antara yang penting dan yang tidak penting dan beliau mempunyai penasihat yang tidak memberikan penjelasan yang betul, malah tidak sanggup bermuzakarah dengan kita," katanya.

-- BERNAMA

HIS ERE LAT